



**[THE EFFICIENCY IN PROPERTY MANAGEMENT AMONG STUDENTS OF
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA: A REVIEW BASED ON MAQASID SYARI'AH]
KEMATANGAN DALAM PENGURUSAN HARTA DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA: SATU TINJAUAN BERDASARKAN MAQASID
SYARI'AH**

Mohamad Sabri Haron ¹

Riki Rahman^{2*}

¹ Pusat Citra Universiti (PCU), Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein
Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia

*Corresponding author: ricky84rahman@gmail.com

Received Date: 24 December 2018 • Accepted Date: 28 May 2019

Abstract

Property is the core of life as well as one of the sources of individual power and society. Seeking and possessing as much wealth as possible is a human nature instincts, but wealth will not provide benefits and bring blessings if not based on the rules of the shari'ah. Thus, the purpose of this study is to analyze the efficiency of students, especially students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in managing their property in accordance with the perspective of maqasid shari'ah. With 470 respondents, information was obtained through questionnaires divided into three main categories, namely the tendency of material and the topic of reading, where money was saved and their estimated savings, and the excessive use of money was spent. The collected data is analyzed using descriptive analysis techniques through IBM SPSS Statistics version 20.0 to get the number of respondents and their percentage for each answer from the question presented. Based on the findings, this study found that the efficiency of UKM students in managing their property in terms of knowledge was diverse. Many of the students find resources on property management from religious books (63.6%), economic books (20.9%), and online news (only 11.1% who did not access at all). However, quite a few among them prefer to access entertainment (44.7%) and drama (62.1%) sources on television. While property management in terms of stored assets is still at a moderate level. While in terms of the spent assets, the students have been wise in managing their properties. Therefore, this study recommends that in managing the property, the maqasid al-shari'ah approach should be considered as it is very important to ensure the property can be managed well and at the same time the management is in compliance with the requirements of Islamic law, so that it will receive the reward and pleasure from Allah SWT.

Keywords: *efficiency, management, property, maqasid al-shari'ah, UKM students, Islam*

Abstrak

Harta adalah teras dalam kehidupan dan juga sebagai salah satu sumber kekuatan individu dan masyarakat. Mencari dan memiliki harta sebanyak-banyaknya adalah naluri semulajadi manusia, namun harta tidak akan memberikan manfaat dan mendatangkan berkat bila tidak dilandasi oleh aturan-aturan syariat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kematangan pelajar, khususnya pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam menguruskan harta mereka menurut perspektif *maqasid al-shari'ah*. Dengan membabitkan 470 responden, maklumat diperolehi menerusi soal selidik yang dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu kecenderungan bahan dan topik bacaan pelajar, tempat wang disimpan dan anggaran wang simpanan mereka, dan kegunaan wang yang banyak habis dibelanjakan. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teknik analisis deskriptif menerusi IBM SPSS Statistics versi 20.0 untuk mendapatkan bilangan responden dan peratusannya bagi setiap jawapan dari soalan yang dikemukakan. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, kajian ini mendapati bahawa kematangan pelajar UKM dalam menguruskan harta dari segi ilmu adalah pelbagai. Ramai antara pelajar yang mendapati sumber ilmu berkaitan pengurusan harta dari buku agama (63.6%), ekonomi (20.9%) dan berita atas talian (hanya 11.1 % yang sama sekali tidak mengakses). Walau bagaimanapun, agak ramai juga dalam kalangan mereka yang lebih suka mengakses sumber-sumber hiburan (44.7%) dan drama (62.1%) di kaca televisyen. Sedangkan pengurusan harta dari segi harta yang disimpan berada pada tahap masih lagi sederhana. Manakala dari segi harta yang habis dibelanjakan, para pelajar sudah bijak dalam menguruskannya. Oleh itu, kajian ini mengesyorkan agar dalam menguruskan harta, pendekatan *maqasid al-shari'ah* perlu diambil kira kerana ia sangat penting bagi memastikan harta dapat diuruskan dengan baik dan pada masa sama pengurusan tersebut menepati kehendak syariat Islam sehingga ia akan mendapat pahala dan keredhaan daripada Allah SWT.

Kata kunci: kematangan, pengurusan, harta, *maqasid al-shari'ah*, pelajar UKM, Islam

Cite as: Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. (2019). Kematangan dalam pengurusan harta dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu tinjauan berdasarkan *maqasid syariah*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 22-39.

PENDAHULUAN

Harta merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Ia adalah teras dalam kehidupan dan juga sebagai salah satu sumber kekuatan individu dan masyarakat. Manusia tidak mampu mendapatkan kehidupan yang selesa dan tidak akan mampu mempertahankan diri dan menjaga kedaulatan tanah air yang diduduki melainkan jika mereka mempunyai harta. Harta tidak dapat dipisahkan dari manusia kerana harta merupakan perkara yang sangat diperlukan. Mencari dan memiliki harta sebanyak-banyaknya adalah naluri semulajadi manusia, namun harta tidak akan memberikan manfaat dan mendatangkan berkat bila tidak dilandasi oleh aturan-aturan syariat. Mencuri, merompak, tamak, dan memakan riba bagi mendapatkan harta dan mengaut keuntungan adalah beberapa contoh kepemilikan harta yang tidak mengikut aturan syariat. Oleh itu, dalam Islam untuk memperoleh harta, membelanjakan harta, dan mengurus harta mestilah berlandaskan peraturan syariat agar memberikan

manfaat dan mendatangkan berkat daripada Allah SWT kepada si pemiliknya. Peraturan syariat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah *maqasid al-shari'ah*.

Imam al-Shatibi adalah tokoh yang mempopularkan dan mengembangkan teori *maqasid al-shari'ah*. Namun, beliau tidak memberikan definisi khusus berkaitan dengan *maqasid al-shari'ah* ini. Walau bagaimanapun, berasaskan penjelasan beliau dalam bukunya *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* dapat disimpulkan pandangan beliau tentang *maqasid al-shari'ah* (al-Shatibi 1985) adalah seperti berikut iaitu,

1. Matlamat syariat adalah untuk melaksanakan sesuatu hukum yang diminta untuk dilaksanakan dan meninggalkan perbuatan yang dilarang melakukannya.
2. Matlamat syariat melaksanakan sesuatu dimana maksud dan pengertiannya dapat difahami secara terus daripada al-Qur'an dan *al-sunnah* tanpa menggunakan *al-qiyas* (menyamakan sesuatu yang tidak ada hukumnya dengan sesuatu yang ada hukumnya kerana wujud persamaan sebab hukum).
3. Matlamat akhir syariat ialah untuk memperoleh maksud yang menjadi tujuan sebenar kepada pelaksanaan sesuatu hukum.

Selain Imam Shatibi, Ibn al-'Ashur turut membincangkan *maqasid al-shari'ah*. Ibn al-'Ashur (1985) membahagikan *maqasid* kepada dua bahagian, iaitu *maqasid am* dan *maqasid khas*. *Maqasid am* ialah makna-makna, hikmah-hikmah dan matlamat-matlamat yang dikenalpasti menjadi asas kepada syariat dalam pensyariatan kesemua hukum-hakam atau sebahagian besarnya yang diperoleh melalui penilaian yang tidak hanya terhad kepada pengkajian jenis-jenis tertentu sahaja dari hukum-hukum tersebut malahan melalui penilaian hukum-hakam secara holistik. Contohnya ialah menjaga sistem, mengarahkan aktiviti dan tindakan manusia ke arah yang mendatangkan kebaikan dan menjauhkan keburukan. Manakala *maqasid khas* adalah makna-makna atau hikmah-hikmah yang dikenalpasti menjadi tujuan syariat dalam perkara-perkara khusus yang tertentu, seperti dalam perkara mengenai keseksaan, muamalat, perkahwinan dan sebagainya.

KONSEP MAQASID AL-SHARI'AH

Mengikut pendapat Abdurrahman (2003), terdapat lima perkara yang menjadi hujah terhadap peri pentingnya *maqasid al-shari'ah* dalam kehidupan manusia iaitu,

1. Pengutusan rasul

al-Qur'an Surah al-Anbiya' 21:107 yang menerangkan tujuan Allah SWT mengutus rasul-Nya adalah untuk memberi rahmat kepada hamba-Nya dan asas rahmat membawa kebaikan dan manfaat serta menolak kemudaratan dan keburukan (Madkur 1964).

2. *Istiqra'* (pemerhatian dan kajian) ke atas hukum-hakam

Sekiranya seseorang itu mengamati hukum-hakam yang telah disyariatkan Allah SWT dalam al-Qur'an dan *al-sunnah* beserta '*illah*-'*illahnya* (suatu perkara yang menyebabkan munculnya hukum) (Contoh '*illah* diharamkannya khamar kerana memabukkan, '*illah* diharamkannya zina kerana merosakkan keturunan, '*illah* perintah memakai hijab bagi wanita adalah supaya mudah dikenali dan tidak diganggu), maka ia pasti akan mendapati bahawa setiap pensyariatan itu ada maslahatnya (kebaikan)

tersendiri termasuklah ibadah khusus, seperti mengenai wuduk (Surah al-Ma'idah 5:6), solat (Surah al-Ankabut 29:45), zakat (Surah al-Tawbah 9:103) dan larangan arak (Surah al-Baqarah 2:219).

3. Hukum-hakam yang disyariatkan Allah SWT adalah mudah

Hukum-hakam yang disyariatkan Allah SWT itu mudah dan bersesuaian dengan kemampuan hamba-hamba-Nya, malahan ia tidak membebani dan menyusahkan. Perkara ini sepertimana yang termaktub di dalam Surah al-Baqarah 2:236 yang maksudnya,

Tidaklah kamu bersalah dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi 'Mut'ah' (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu). Iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan.

4. Penasakhan (penghapusan atau pembatalan hukum yang lama lalu diganti kepada hukum baru) hukum-hakam syariah

Berlakunya nasakh pada sesetengah hukum adalah bukti yang terang bahawa setiap apa yang disyariatkan adalah bertujuan untuk memudahkan manusia. Contoh, iddah (masa menunggu wanita untuk dinikahi) bagi wanita yang diceraikan mati suaminya pada mulanya adalah setahun (Surah al-Baqarah 2:240), namun kemudian iddah tersebut diringkaskan menjadi 4 bulan 10 hari sahaja (Surah al-Baqarah 2:234).

5. Kaedah-kaedah umum

Ada dua kaedah umum iaitu,

a. Wujud perbezaan pada syarat muamalat

Syarat-syarat yang terdapat pada bidang muamalat, sifat dan kesannya berbeza sesuai dengan kemaslahatan seseorang hamba. Sebagai contoh, dikuatkuasakannya tempoh masa tertentu pada akad *ijarah* (mengambil suatu manfaat atas suatu barang atau jasa dengan cara penggantian sewa atau upah) umpamanya, atau *muzara'ah* (pemilik tanah memberi hak mengelola tanah kepada orang yang mengelola tanah tersebut dengan syarat bagi hasil atau semisalnya). Tetapi tempoh tersebut tidak disyaratkan pada perkahwinan kerana syarat tersebut sudah tentu bercanggah dengan tujuan pensyariaan iaitu untuk memelihara keturunan ('Abd al-Salam t.th.).

b. Penerimaan syariat terhadap 'urf

Syariat telah mengakui dan mengambil kira 'urf (Sesuatu yang diketahui oleh manusia dan menjadikan sesuatu itu sebagai tatacara kehidupan sama ada dari segi percakapan, perbuatan, atau warisan yang telah ditinggalkan (Khalaf 1956). Contoh, mengikut riwayat Imam Malik beliau membenarkan dakwaan suami tentang penyerahan mas kahwin apabila berlaku perbalahan di antara suami isteri dalam hal tersebut setelah mereka berdua bersatu, sedangkan pada zahairnya hendaklah dibenarkan dakwaan isteri. Ini adalah kerana pada asalnya tiada penerimaan mas kahwin tersebut. Kemudian *fuqaha'* memberi

alasan ke atas hukum Imam Malik itu bahawa mengikut adat kebiasaan di Madinah, lelaki tidak akan bersatu dengan isterinya melainkan selepas perempuan itu menerima mas kahwinnya. Oleh yang demikian, adat itu telah pun berubah maka hukum juga turut berubah, iaitu dibenarkan dakwaan isteri bersama sumpahnya (Ahmad 2003) manusia itu dengan syarat tidak mendatangkan *mafsadah* (keburukan) dan tidak pula menghancurkan masalah. Contohnya, mengikut riwayat Imam Malik beliau membenarkan dakwaan suami tentang penyerahan mas kahwin apabila berlaku perbalahan di antara suami isteri dalam hal tersebut setelah mereka berdua bersatu, sedangkan pada zahirnya hendaklah dibenarkan dakwaan isteri. Ini adalah kerana pada asalnya tiada penerimaan mas kahwin tersebut. Kemudian *fuqaha'* memberi alasan ke atas hukum Imam Malik itu bahawa mengikut adat kebiasaan di Madinah, lelaki tidak akan bersatu dengan isterinya melainkan selepas perempuan itu menerima mas kahwinnya. Oleh yang demikian, apabila adat itu telah pun berubah maka hukum juga turut berubah, iaitu dibenarkan dakwaan isteri bersama sumpahnya (Ahmad 2003).

Para ahli usul bersepakat bahawa syariat Islam bertujuan untuk menjaga lima perkara (Haq 2007) iaitu,

1. Agama

Menjaga agama menduduki urutan pertama kerana seluruh ajaran syariat Islam mendorong manusia untuk melakukan sesuatu sesuai dengan kehendak dan keredaan Allah SWT (*fi mardat Allah SWT*) sama ada persoalan ibadah mahupun muamalah. Justeru al-Qur'an dan *al-sunnah* mendorong manusia untuk beriman kepada Allah SWT, kemudian menerusi keimanannya manusia semestinya taat kepada-Nya yang secara khusus sebagai suatu cara mereka berterima kasih kepada Allah SWT dalam bentuk ibadah yang khusus. Ini kerana manusia pada hakikatnya diciptakan untuk beribadah, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Dhariyat 51:56.

2. Jiwa

Perkara penting yang kedua ialah menjaga jiwa dan hanya orang yang hidup (mempunyai roh) sahaja yang dapat melaksanakan seluruh ketentuan agama. Dengan kata lain, syariat hanya dapat dan wajib dilaksanakan oleh mereka yang masih hidup dan sihat jasmani serta rohaninya. Justeru, jiwa seseorang adalah menjadi sangat penting bagi melaksanakan syariat. Memandangkan menjaga jiwa adalah sangat penting, maka agama dengan tegas mengharamkan pembunuhan dalam apa jua bentuk, termasuk bunuh diri. Tindakan membunuh seseorang tanpa alasan yang kukuh dan tidak dibenarkan syariat dipandang sebagai pembunuhan terhadap seluruh manusia. Sebaliknya, menyelamatkan jiwa seseorang bererti menyelamatkan seluruh jiwa umat manusia, ini sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah 5:32,

Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Isra'il, bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya. Dan demi sesungguhnya, telah datang kepada mereka rasul-rasul kami dengan membawa keterangan yang cukup terang; kemudian, sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, sungguh-sungguh menjadi orang-orang yang melampaui batas (melakukan kerosakan) di muka bumi.

3. Akal

Perlu diketahui bahawa tidak semua orang yang hidup secara automatik dapat melaksanakan syariat. Ini kerana ada jiwa yang sakit atau pun gila sehingga mereka tidak dapat memahami, menghayati dan melaksanakan syariat. Oleh itu, menjaga jiwa sahaja tidak cukup tanpa diikuti dengan menjaga akal kerana hanya akal yang sihat yang boleh membawa seseorang menjadi mukalaf (orang Islam yang dikenai kewajipan atau perintah dan menjauhi larangan agama, kerana telah dewasa dan berakal (akil baligh dan telah mendengar seruan agama). Hanya fikiran dan akal yang sihat yang boleh memenuhi tuntutan syariat untuk memahami ayat-ayat Allah SWT sebagaimana yang selalu disebutkan dalam al-Qur'an seperti *afala tatafakkarun* (apakah kamu tidak berfikir), *afala ta'qilun* (apakah kamu tidak berakal), *afala ta'lamun* (apakah kamu tidak mengetahui) dan sebagainya. Oleh itu semua perkara yang dapat merosakkan akal diharamkan, termasuk khamar dan dadah. Dengan akal yang sihat pula, manusia dapat membina kehidupan yang bertamadun, memanfaatkan sumber alam yang ada di sekelilingnya, berkomunikasi, bertukar fikiran dan lain-lain.

4. Keturunan

Menjaga agama, jiwa, dan akal bertujuan untuk kemaslahatan umat manusia itu sendiri sama ada di dunia mahupun di akhirat. Kemaslahatan di dunia dan akhirat ini untuk menjamin kelangsungan hidup manusia dari satu generasi ke generasi yang lain. Syariat yang hanya terlaksana pada satu generasi sahaja tidak bermakna apa-apa apabila rosaknya generasi manusia seterusnya. Oleh itu, syariat memandang bahawa sewajarnya manusia memiliki keturunan. Keturunan manusia yang dikehendaki syariat berbeza dengan keturunan makhluk lain. Oleh itu, syariat mengatur hukum berkeluarga, iaitu membina keluarga di atas landasan pernikahan yang sah dan ketentuan kriteria lelaki dan wanita yang boleh dinikahi (Surah al-Nisa' 4:22-24; Surah al-Nur 24:3). Selain itu, syariat juga mengatur had bilangan isteri yang boleh dinikahi (Surah al-Nisa' 3:3), tuntunan menggauli dan menafkahi isteri (Surah al-Baqarah 2:233) serta cerai (Surah al-Baqarah 2:229; Surah al-Talaq 65:1).

5. Harta

Syariat menghendaki kehidupan yang layak dan sejahtera agar syariat tersebut dapat diaplikasikan dengan baik. Syariat juga menghendaki agar manusia dalam hidupnya tidak mengalami penderitaan disebabkan tiada harta. Justeru, menjaga harta adalah menjadi salah satu tujuan syariat, dalam erti kata lain menggalakkan manusia untuk memperoleh, mengatur dan memanfaatkan harta sepertimana yang disebutkan dalam al-Qur'an Surah al-Qasas 28:77,

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

Keharusan memperoleh harta sebagai sarana kehidupan berkait rapat dengan kemampuan manusia dalam memanfaatkan sumber alam. Oleh yang demikian, syariat juga mewajibkan manusia untuk mengelola alam.

Dari segi keutamaannya, Imam Shatibi membahagikan *maqasid al-shari'ah* kepada tiga peringkat, iaitu *al-daruriyyat*, *al-hajiyyat* dan *al-tahsiniyyat* (al-Shatibi 1985).

1. *al-Dharuriyyat*

al-Daruriyyat adalah hal yang mesti wujud bagi mendirikan masalah-masalah terhadap agama dan dunia. Ketiadaannya menyebabkan masalah dunia dalam keadaan yang tidak stabil, malahan akan mendatangkan mafsadah dan kemusnahan kehidupan. Contohnya seperti menjaga agama, iaitu keimanan, mengucapkan dua kalimah syahadat, solat, zakat, puasa dan haji.

2. *al-Hajiyyat*

al-Hajiyyat adalah keperluan kepada perkara yang membawa kelegaan dan mampu menghilangkan *mashaqqah* (kesukaran). Apabila perkara ini luput, maka ia akan membawa individu atau masyarakat kepada kesukaran namun tidak sampai kepada tahap kesukaran dalam *al-daruriyyat*. Sebagai contoh rukhsah dalam solat atau puasa untuk orang sakit atau musafir.

3. *al-Tahsiniyyat*

al-Tahsiniyyat membawa maksud mengambil perkara yang selayaknya menerusi kebaikan dan menjauhi perkara yang dipandang keji oleh akal. Hal ini terangkum dalam maksud kemuliaan akhlak. Misalnya mempraktikkan konsep al-taharah, memakai perhiasan, bersedekah dan mendekati diri kepada Allah SWT.

KEMATANGAN DALAM MENGURUS HARTA

Asal kata kematangan ialah 'matang' yang di dalam *Kamus Dewan* membawa maksud mempunyai banyak pengalaman, sudah sempurna (fikirannya), menunjukkan kesempurnaan atau kedewasaan pemikiran (Noresah 2002). Menerusi kajian ini, apa yang dimaksudkan sebagai kematangan ialah kecekapan atau kedewasaan seseorang atau individu dalam menguruskan hartanya. Adapun pengurusan secara ringkas boleh ditakrifkan sebagai pelaksanaan keputusan dasar dan penyempurnaan objektif (Douglas 1993). Objektif pengurusan harta itu sendiri biasanya ialah untuk memaksimumkan pendapatan dan modal harta. Apapun, perkara ini tidak semestinya menjadi objektif dalam semua keadaan. Satu perkara lagi apa yang dilihat sebagai objektif pengurusan harta ialah tujuan pemilik tersebut dalam memiliki kepentingan harta berkenaan (Douglas 1993). Objektif yang terakhir inilah yang menjadi ukuran kajian ini.

Manakala definisi harta yang diberikan oleh majoriti ulama Islam ialah sesuatu yang mempunyai nilai material di kalangan manusia yang diharuskan di sisi syariat untuk penggunaannya di waktu susah dan senang (Mohamad Sabri 2011). Dalam Islam, harta bukan merupakan matlamat hidup tetapi ia adalah wasilah atau perantara bagi merealisasikan perintah Allah SWT. Merealisasikan perintah Allah SWT sebenarnya akan membawa ketenangan hidup yang hakiki. Setiap Muslim percaya bahawa Allah SWT merupakan Pencipta yang mampu memberikan ketenangan hakiki, bukannya harta. Untuk itu, harta bukanlah tujuan sebenar kehidupan tetapi sebagai jalan bagi mencapai nikmat ketenangan hidup di dunia dan berterusan hingga ke alam akhirat (Surtahman Kastin 1989).

Antara pengurusan harta yang boleh dilaksanakan ialah seperti memasuki skim takaful sebagai perancangan untuk kemudahan simpanan anak-anak agar tidak tergendala dalam pelajaran mereka. Di

samping itu, simpanan bulanan juga mampu menjana kewangan dalam jangka masa panjang, menyertai koperasi-koperasi bagi mendapat pelbagai kemudahan (Mohamad Sabri 2011). Mengelakkan diri daripada melakukan pinjaman menggunakan riba, mencuri, mengugut, boros, tamak, membazir juga antara contoh bagaimana cara menguruskan harta yang baik.

Dalam pada itu Mustazah Bahari (2010) turut memberikan contoh pengurusan harta yang baik sepertimana yang digambarkan dalam al-Qur'an iaitu,

1. Harta yang dikurniakan adalah hak milik Allah SWT sepenuhnya yang diamanahkan kepada manusia untuk menguruskannya dengan baik agar terlaksana tugas memakmurkan bumi ini dengan sempurna. Di antara tugas manusia di bumi ini ialah menghulurkan harta yang berlebihan kepada yang memerlukan menerusi ibadah zakat dan sedekah, sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Nur 24:33 yang bermaksud, "... dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu....".

Harta yang dikurniakan tidak sepatutnya dinikmati oleh sekelompok manusia sahaja tanpa mempedulikan kelompok yang kurang bernasib baik. Sebagai contoh yang diberikan dalam al-Qur'an Surah al-Hashr 59:7 mengenai pembahagian harta rampasan perang, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "... (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu....".

Ayat di atas memberi panduan kepada manusia agar jangan bersifat tamak dengan harta yang ada pada mereka.

2. Dalam mengurus harta yang berkat juga perlu dielakkan pemborosan dalam mengeluarkan dan membelanjakannya. Hal ini berlandaskan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf 7:31 yang bermaksud: "... dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas".
3. Kelakuan jujur ketika bermuamalah dengan manusia lain agar tidak menzalimi mana-mana pihak sehingga memakan harta orang lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2:188 yang bermaksud,

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

4. Tidak menjerumuskan harta kepada pengurusan secara riba kerana amalan riba adalah amalan jahiliyyah yang tidak mendatangkan keadilan kepada semua pihak. Allah SWT telah mengharamkan riba dalam Surah al-Baqarah 2:275 yang bermaksud, "... Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan, "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba....".

KEPENTINGAN PENGURUSAN HARTA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Seseorang yang mempunyai perancangan dalam menguruskan hartanya akan memperoleh gambaran yang jelas tentang kedudukan kewangannya semasa, memberi hala tuju yang tepat mengenai matlamat kewangan yang ingin dicapai yang akhirnya akan membolehkan seseorang itu mencapai matlamat yang diharapkan secara lebih efektif. Islam sebagai agama yang sempurna mengajar umatnya agar sentiasa mempunyai perancangan dalam menguruskan hal ehwal kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi al-Qur'an dan *al-sunnah*. Antaranya firman Allah SWT dalam Surah Yusuf 12:67, "Dan ia berkata lagi, "Wahai anak-anakku! Janganlah kamu masuk (ke bandar Mesir) dari sebuah pintu sahaja, tetapi masuklah dari beberapa buah pintu yang berlainan".

Pengajaran daripada ayat ini antara lain ialah menyentuh tentang persoalan perancangan di mana Allah SWT menjelaskan bahawa dalam menguruskan kehidupan jangan bergantung hanya kepada satu pendekatan semata-mata tetapi perlulah mempelbagaikan pendekatan dan strategi. Setelah segala persiapan dan perancangan dilakukan, hendaklah bertawakal kepada Allah SWT.

Ayat 47-48 di dalam surah yang sama Allah SWT juga menegaskan pentingnya perancangan sebelum menghadapi atau melakukan sesuatu malah perlu bijak dalam menguruskan kehidupan agar tidak menimbulkan kesusahan di kemudian hari. Dalam Surah al-Nisa' 4:9 juga Allah SWT tegaskan perkara yang sama bahawa perlunya mempunyai perancangan untuk masa depan keluarga dan hendaklah bijaksana dalam menguruskan harta atau kewangan (Wan Jemizan t.th.),

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran).

OBJEKTIF

Berdasarkan paparan latar belakang di atas, objektif kajian ini ialah untuk menganalisis kematangan pelajar UKM dalam menguruskan harta mereka yang ditinjau daripada perspektif *maqasid al-shari'ah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kematangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mengurus harta mengikut perspektif *maqasid al-shari'ah*. Dapatan kajian ini dapat digunakan untuk memberikan cadangan yang sesuai kepada unit populasi yang lebih luas untuk situasi yang sama. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan pelajar UKM yang beragama Islam sahaja sama ada mereka terdiri daripada warganegara Malaysia atau bukan. Kajian ini juga melibatkan pelajar UKM dari peringkat diploma, sarjanamuda, sarjana, sehingga doktor falsafah. Pengumpulan data di lapangan mengambil masa dua (2) minggu, iaitu bermula pada 14 November 2015 sehingga 28 November 2015.

Dengan menggunakan kaedah sampel rawak, 500 responden dilibatkan untuk mengisi soal selidik yang diedarkan. Namun, hanya 470 responden sahaja yang memulangkan soal selidik yang telah diedar sebelumnya. Soal selidik ini sendiri hanya diedarkan kepada pelajar UKM yang beragama Islam sahaja, warganegara Malaysia dan bukan warganegara khususnya yang berasal daripada Indonesia. Walau bagaimanapun, 470 responden tersebut sudah memadai bagi mewakili kumpulan tersebut di atas. Soal selidik yang diedarkan kepada responden terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama mengenai latar belakang responden. Manakala bahagian kedua pula merupakan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk kajian yang terdiri daripada tiga elemen, iaitu: ilmu, wang yang disimpan, dan wang yang habis dibelanjakan.

1. Elemen ilmu mengandungi topik bahan yang dibaca, akhbar dalam talian yang diakses, topik majalah yang dilanggan, dan jenis siaran televisyen yang diikuti.
2. Elemen wang yang disimpan mengandungi jenis bank sebagai pilihan tempat menyimpan wang, jumlah wang yang disimpan, dan anggaran jumlah simpanan tabung haji.

3. Elemen wang yang habis dibelanjakan mengandungi, anggaran wang yang dihabiskan untuk membeli buku, peruntukkan membeli buku-buku agama, perbelanjaan yang dihabiskan untuk membeli keperluan pembelajaran, anggaran perbelanjaan rokok, hutang, dan pembayaran zakat.

Soal selidik ini terdiri daripada 31 soalan. Walau bagaimanapun, bagi tujuan simplifikasi soalan yang dianalisis dalam artikel ini hanya 11 soalan yang dianggap dapat mewakili objektif kajian ini. Pada soalan-soalan tertentu, responden dibenarkan untuk memilih lebih dari satu jawapan. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teknik analisis deskriptif menerusi IBM SPSS Statistics versi 20.0. Objektif kajian ini ialah untuk,

1. Mengetahui kecenderungan bahan dan topik bacaan pelajar bagi menambah ilmu dan pengetahuan mereka.
2. Mengenalpasti di mana wang disimpan dan berapa anggaran wang simpanan mereka.
3. Mengenalpasti untuk apa wang mereka banyak dibelanjakan atau tujuan perbelanjaan.

Bagi tujuan menyelaraskan peratusan dapatan kajian, maka peringkat peratusan dapatan kajian ditafsirkan sebagai berikut,

- | | | | |
|----|------------|---|---------------|
| 1. | 0% - 20% | = | Sangat Rendah |
| 2. | 21% - 40% | = | Rendah |
| 3. | 41% - 60% | = | Sederhana |
| 4. | 61% - 80% | = | Tinggi |
| 5. | 81% - 100% | = | Sangat Tinggi |

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kecenderungan bahan dan topik bacaan pelajar untuk menambah ilmu dan pengetahuan: seperti yang dapat dilihat pada Jadual 1, bahan bacaan yang menjadi pilihan utama pelajar UKM adalah bahan-bahan bacaan agama iaitu 63.6%. Dapatan ini sangat positif memandangkan pemahaman agama yang baik berhubungkait dengan cara pengurusan harta yang baik pula sepertimana yang telah diatur oleh syariat. Walau bagaimanapun, dalam konteks pengurusan harta tidak diikuti dengan bahan-bahan bacaan ekonomi, dimana hanya 20.9% responden yang terlibat padahal bahan-bahan bacaan ekonomi turut menjadi faktor penyumbang kepada pelajar bagi memperoleh ilmu dan pengetahuan tentang pengurusan harta itu sendiri. Justeru yang membimbangkan ialah bahan-bahan hiburan menduduki peringkat kedua (53.0%) sebagai pilihan bahan bacaan yang utama. Walaupun ia dikategorikan sederhana, namun ia agak merunsingkan kerana bahan bacaan hiburan adalah antara bacaan utama dalam kalangan pelajar. Perkara ini seeloknya dielakkan memandangkan pelajar perlu memberikan tumpuan kepada bahan bacaan yang bersifat keilmuan sebagai sokongan dalam menyelesaikan pelajaran mereka dan sebagai usaha untuk membentuk sahsiah pelajar yang berilmu dan dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dan negara.

Jadual 1 Bahan Bacaan yang Menjadi Pilihan Utama Para Pelajar

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Agama	299	63.6
Politik	131	27.9

bersambung...

...sambungan

Ekonomi	98	20.9
Hiburan	249	53.0
Sukan	144	30.6

Manakala Jadual 2 pula didapati bahawa akhbar dalam talian yang selalu diakses pelajar adalah *Berita Harian* (54.5%), diikuti *Kosmo* (29.1%), dan *Malaysia Kini* (19.4%). Secara umumnya minda mereka masih peka untuk mengetahui perkembangan semasa yang berlaku, ini kerana pelajar yang tidak peduli dengan perkembangan semasa hanya 11.1% yang dikategorikan sebagai sangat rendah.

Jadual 2 Akhbar dalam Talian yang Selalu Diakses Pelajar

Item	Bilangan Responden	Peratusan
<i>Berita Harian</i>	256	54.5
<i>Bernamea</i>	57	12.1
<i>Harakah Daily</i>	76	16
<i>Kosmo</i>	137	29.1
<i>The Star</i>	37	7.9
<i>Malaysia Kini</i>	91	19.4
<i>The Sun Daily</i>	10	2.1
<i>Suara Keadilan</i>	16	3.4
<i>Malaysian Insider</i>	25	5.3
<i>The New Strait Times</i>	43	9.1
<i>Utusan Malaysia</i>	87	18.5
Tidak Mengakses Langsung	52	11.1

Jadual 3 menunjukkan bahawa filem/drama dan hiburan menjadi program siaran televisyen yang paling sering diikuti dan ditonton dimana masing-masing mencecah 62.1% (tinggi) dan 44.7% (sederhana). Perkara ini cukup membimbangkan kerana sebagai seorang pelajar tidak sepatutnya filem / drama dan hiburan menjadi program pilihan utama yang ditonton. Filem / drama dan hiburan tidak dinafikan ada memberikan manfaat misalnya untuk melepaskan tekanan belajar atau tugas kuliah, namun manfaatnya tidak signifikan bila kedua-duanya menjadi program pilihan utama yang ditonton. Apapun, program agama menduduki tempat ketiga 42.1% (sederhana). Ini menunjukkan bahawa pelajar sedar peri pentingnya ilmu agama dalam kehidupan mereka. Pengetahuan tentang agama yang mereka perolehi daripada siaran televisyen sedikit sebanyak akan memberikan impak yang baik ke atas mereka sama ada baik dari segi menjalankan ibadah, muamalah, dalam pelajaran, dalam pengurusan harta mahupun yang lain bergantung kepada topik agama yang dibincangkan dalam siaran televisyen tersebut.

Dapatan ini sedikit sebanyak menunjukkan kecenderungan berhibur dalam kalangan pelajar adalah tinggi berbanding perkara-perkara lain.

Jadual 3 Program Siaran Televisyen yang Paling Sering Ditonton

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Hiburan	210	44.7
Dokumentari	192	40.9
Sukan	136	28.9
Berita	187	39.8
Filem / Drama	292	62.1
Agama	198	42.1
Tidak menonton	9	1.9

Tempat wang disimpan dan anggaran wang simpanan pelajar. Jadual 4 menunjukkan bahawa perbankan Islam menjadi institusi kewangan yang menjadi pilihan utama pelajar UKM untuk menyimpan wang mereka di mana ia mencecah 63.4% (tinggi) berbanding bank konvensional yang hanya 32.1% (rendah). Dapatan ini cukup positif memandangkan kesedaran pelajar ke atas peri pentingnya menyimpan wang di perbankan Islam adalah tinggi. Salah satu perkara yang diatur oleh maqasid al-syariah dalam pengurusan harta adalah larangan secara tegas untuk melakukan transaksi jual beli, meminjam dan menyimpan wang dengan riba sepertimana yang banyak dilakukan oleh bank-bank konvensional saat ini. Selain itu, pertumbuhan perbankan Islam di Malaysia yang dilihat cukup memberangsangkan turut menjadi faktor penyumbang kepada pelajar untuk memilih perbankan Islam ini sebagai pilihan utama.

Jadual 4 Tempat Wang Disimpan

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Amanah Saham Bumiputra	100	21.3
Tabung Haji	161	34.3
Bank Konvensional	151	32.1
Perbankan Islam	298	63.4
Tidak Menyimpan Langsung	14	3

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa Tabung Haji berada di kedudukan kedua sebagai pilihan utama pelajar menyimpan wang mereka, iaitu 34.3%. Hal ini menggambarkan kesedaran dalam kalangan pelajar untuk menyimpan wang mereka di perbankan patuh syariah cukup memberangsangkan. Kajian ini juga melihat anggaran jumlah wang simpanan tabung haji pelajar. Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa simpanan tabung haji yang kurang dari RM500 mencapai 126 responden (26.8%), dan antara RM500-RM2000 adalah 85 responden (18.1%), manakala selebihnya tidak menunjukkan hasil yang signifikan. Justeru, 197 responden (41.9%) tidak memiliki simpanan Tabung Haji, iaitu pada kategori sederhana. Meskipun begitu, secara keseluruhannya bilangan pelajar yang menyimpan wang mereka di Tabung Haji lebih ramai.

Jadual 5 Jumlah Simpanan Tabung Haji

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Tiada	197	41.9
Kurang dari RM500	126	26.8
RM500-RM2000	85	18.1
RM2001-RM5000	33	7.0
Lebih dari RM5000	25	5.3

Adapun jumlah simpanan wang pelajar pada umumnya setiap bulan sepertimana yang dapat dilihat pada Jadual 6 menunjukkan ia masih sangat kecil atau sedikit iaitu di bawah RM100 sebulan. Perkara ini dapat dimaklumi memandangkan para pelajar terutamanya peringkat sarjana muda masih lagi belum memiliki pendapatan sendiri bagi menyara hidup dan keperluan pelajaran mereka kerana masih bergantung kepada ibu bapa, PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) ataupun biasiswa.

Jadual 6 Jumlah Simpanan Wang Sebulan

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Tiada	123	26.2
Kurang dari RM100	225	47.9
RM100-RM300	87	18.5
RM301-RM500	19	4.0
Lebih dari RM500	15	3.2

Secara puratanya, kadar pengurusan harta pelajar dari elemen wang yang disimpan ialah diambil daripada peratusan yang tertinggi, iaitu $63.4 + 41.9 + 47.9 : 3 = 51.06$. Ini bermaksud ia dalam kategori sederhana.

Jumlah wang yang habis dibelanjakan: dapatan mengenai anggaran wang yang dihabiskan pelajar untuk membeli buku dalam setahun majoritinya menunjukkan jumlah yang sederhana iaitu antara RM100-RM400 (53.0%). Jika diandaikan setiap pelajar membeli buku setiap bulannya 1 buah buku dengan harga 1 buku RM30, maka dalam setahun mereka memiliki 12 buah buku dengan harga keseluruhan RM360, maka dalam lingkungan inilah anggaran pembelian buku dalam kalangan majoriti pelajar. Namun, ada juga dalam kalangan pelajar tersebut yang menganggarkan di bawah RM100 untuk membeli buku dalam setahun, iaitu mencecah 29.1% (Jadual 7). Ini mungkin disebabkan dua perkara iaitu pertama, mereka merasa tidak terlalu perlu membeli buku memandangkan koleksi buku di Pustaka UKM (Tun Seri Lanang) sangat lengkap. Kedua, oleh kerana koleksi buku di Pustaka UKM sangat lengkap, justeru wang yang sepatutnya dibelanjakan untuk membeli buku tersebut dapat digunakan untuk membeli keperluan pembelajaran seperti buku tulis, pen, kertas, dakwat pencetak dan lain-lain. Adapun mereka yang membeli buku tiap-tiap bulan adalah kerana buku yang mereka kehendaki tidak ditemukan di perpustakaan UKM, atau meskipun buku tersebut wujud namun mereka tetap membelinya sebagai koleksi peribadi. Dapatan ini menunjukkan bahawa membeli buku tidak menjadi amalan lazim dalam kalangan pelajar.

Jadual 7 Anggaran Wang untuk Membeli Buku dalam Setahun

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Kurang dari RM100	137	29.1
RM100-RM400	249	53.0
RM401-RM700	58	12.3
RM701-RM1000	15	3.2
Lebih dari RM1000	7	1.5

Adapun anggaran perbelanjaan untuk keperluan pembelajaran seperti buku tulis, kertas, pen, dakwat pencetak dan lain-lain menunjukkan majoriti pelajar (51.5%) hanya menghabiskan kurang dari RM50 sebulan (Jadual 8). Perkara ini menggambarkan bahawa keperluan pelajar ke atas barang-barang pembelajaran dalam tempoh sebulan tidak terlalu banyak.

Jadual 8 Anggaran Perbelanjaan untuk Keperluan Pembelajaran dalam Masa Sebulan

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Kurang dari RM50	242	51.5
RM50-RM100	162	34.5
RM101-RM150	40	8.5
RM151-RM200	12	2.6
Lebih dari RM200	13	2.8

Kajian ini juga mendapati bahawa 92.1% pelajar tidak membelanjakan wang mereka untuk membeli rokok (Jadual 9). Jumlah ini berada pada tahap yang sangat tinggi. Ini bermakna secara sedar ataupun tidak, majoriti pelajar telah merealisasikan dua di antara lima tujuan *maqasid al-shari'ah* iaitu menjaga harta dan jiwa mereka. Tidak dinafikan bahawa ada beberapa pelajar yang menghisap rokok, namun bilangan mereka tidak ramai, iaitu 7.5% bermula daripada yang membelanjakan wang untuk membeli rokok kurang dari RM150 sehingga lebih dari RM350 sebulan. Apatah lagi merokok memberikan impak negatif ke atas kesihatan dan pada tahap tertentu ia boleh menyebabkan kematian.

Jadual 9 Anggaran Perbelanjaan Rokok Sebulan

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Tiada	433	92.1
Kurang dari RM150	22	4.7
RM150-RM250	7	1.5
RM251-RM350	5	1.1
Lebih dari RM350	1	0.2

Selain itu, didapati juga bahawa bilangan pelajar yang tidak berhutang ke mana-mana pihak selain daripada hutang PTPTN (Jadual 10) adalah sangat tinggi, iaitu 395 responden atau 84%. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar matang dan bijak dalam mengurus harta mereka. Mereka mengamalkan sikap berbelanja dengan jimat, tidak boros, tidak membazir dan tidak tamak dalam mendapatkan sesuatu yang mereka kehendaki sehingga wang yang mereka miliki sentiasa cukup setiap bulannya. Ini sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Furqan 25:67 yang maksudnya, "Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampau

batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu”.

Dalam Surah al-Isra’ 17:26-27 Allah SWT juga berfirman yang maksudnya,

Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Jadual 10 Hutang Pelajar Selain PTPTN (Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional)

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Tiada	395	84.0
Kurang dari RM1000	34	7.2
RM1000-RM2000	9	1.9
RM2001-RM3000	9	1.9
Lebih dari RM3000	23	4.9

Dalam Islam, membayar zakat adalah perintah Allah SWT sekaligus sebagai Rukun Islam yang keempat. Sangat banyak ditemui ayat-ayat al-Qur’an yang menyebut tentang zakat, satu antaranya seperti firman Allah SWT yang terdapat dalam Surah al-Tawbah 9:103 yang maksudnya: Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Membayar zakat itu sendiri mengandungi beberapa hikmah, antaranya ialah (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2011),

1. Harta merupakan satu unsur yang memerlukan pembersihan dan penyucian kerana dalam proses mendapatkan dan membangunkan harta ia sering terdedah oleh perkara-perkara yang syubhah.
2. Zakat merupakan alat untuk menyucikan harta demi menghindari keburukan dan kejahatan yang terkandung di dalamnya.
3. Tujuan zakat dalam syariat adalah untuk memenuhi keperluan golongan fakir miskin, orang yang dibebani hutang dan para musafir dan juga sebagai tunjang kepada kemaslahatan kaum Muslimin seperti untuk berjihad di jalan Allah SWT, sebagai sumbangan kepada muallaf yang baru memeluk Islam dan pertolongan kepada kaum keluarganya serta perkara-perkara yang boleh mengukuhkan agama dan kedaulatan negara Islam.
4. Agama Islam berprinsip bahawa seluruh harta pada hakikatnya hanyalah milik Allah SWT. Manusia ditugaskan untuk memegang harta tersebut dan zakat yang diwajibkan itu berfungsi sebagai satu jaminan sosial dalam Islam.

Oleh itu, pembayaran zakat, khususnya zakat harta, dianggap sebagai salah satu bahagian yang penting dalam kajian ini. Kajian ini mendapati bahawa 73.6% pelajar tidak tergolong sebagai pembayar zakat harta. Bilangan ini menunjukkan peratus yang tinggi dalam kalangan pelajar. Hanya 13.4% pelajar yang pernah membayar sekali, 3.0% dua kali, dan 8.9% lebih dari dua kali (Jadual 11). 73.6% pelajar

yang tidak tergolong sebagai pembayar zakat ini kerana mereka belum memiliki pendapatan atau penghasilan sehingga tiada kewajipan ke atas mereka untuk membayar zakat.

Jadual 11 Pembayaran Zakat Harta

Item	Bilangan Responden	Peratusan
Satu kali sahaja	63	13.4
Dua kali sahaja	14	3.0
Lebih dari dua kali	42	8.9
Tidak tergolong sebagai pembayar zakat	117	73.6

Secara keseluruhannya purata pengurusan harta dari segi elemen harta yang habis dibelanjakan dalam kalangan pelajar ialah $53 + 51.5 + 92.1 + 84 + 73.6 = 70.84$. Ini bermaksud ia berada dalam tahap yang tinggi (baik).

Berdasarkan semua dapatan kajian di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan *maqasid al-shari'ah* memainkan peranan yang penting dalam pengurusan harta. Sebagai seorang yang beragama Islam, pengurusan harta mengikut *maqasid al-shari'ah* adalah penting bagi menjamin harta yang diperoleh dan dibelanjakan mendapat reda dan pahala di sisi Allah SWT.

KESIMPULAN

Secara umum dapat disimpulkan bahawa *maqasid al-shari'ah* sangat berperanan dalam tatacara pengurusan harta yang baik sesuai dengan tuntutan syariat. Ini bertujuan agar harta yang dimiliki dan dibelanjakan itu mendapat keredaan dan pahala di sisi Allah SWT. Kesimpulan tersebut diperoleh berdasarkan dapatan-dapatan kajian dari tiga elemen soalan utama menerusi soal selidik yang telah diedar kepada 470 pelajar UKM beragama Islam sebagai responden, iaitu: elemen ilmu, wang yang disimpan, dan wang yang habis dibelanjakan.

Dari segi elemen ilmu, didapati bahawa majoriti pelajar berminat terhadap buku-buku agama, ini menunjukkan bahawa pengetahuan agama itu sangat penting dalam kehidupan mereka. Namun mereka kurang meminati buku-buku berkaitan ekonomi. Padahal dari segi ilmu pengetahuan, buku-buku berkaitan ekonomi turut menjadi faktor penyumbang untuk mengetahui cara mengurus harta dengan baik. Selain itu, penggunaan ICT (*information and communications technology*) seperti sekarang ini masih didapati pelajar yang tidak mengakses surat khabar dalam talian. Padahal kemudahan saluran internet di kampus sangat mudah untuk diakses. Program filem / drama dan hiburan di televisyen menjadi tontonan kegemaran majoriti pelajar. Perkara ini cukup membimbangkan kerana sebagai seorang pelajar tidak sepatutnya filem/drama dan hiburan menjadi program pilihan utama yang ditonton.

Dari segi wang yang disimpan pula, didapati bahawa perbankan Islam menjadi institusi kewangan yang menjadi pilihan utama pelajar untuk menyimpan wang mereka. Dari segi *maqasid al-syariah* menyimpan wang sangat dianjurkan kerana ia boleh menjaga salah satu matlamat syariat iaitu menjaga harta kerana perbankan Islam tidak mengamalkan riba dalam sistem operasinya. Selain itu, didapati juga ramai dalam kalangan pelajar UKM yang tidak memiliki simpanan tabung haji. Ini kerana ramai pelajar yang menganggap keperluan belajar lebih utama berbanding menyimpan wang di tabung haji. Apatah lagi majoriti pelajar belum memiliki pendapatan atau penghasilan sendiri. Dari segi *maqasid al-shari'ah* keperluan utama seorang pelajar adalah memenuhi keperluan pembelajarannya (*al-daruriyyat*) berbanding menyimpan wang di tabung haji yang berada pada peringkat *al-tahsiniyyat*.

Kajian ini juga mendapati bahawa jumlah simpanan wang pelajar setiap sebulan pada umumnya masih sangat sedikit. Perkara ini berlaku memandangkan para pelajar umumnya masih lagi belum memiliki pendapatan sendiri bagi menyara hidup dan pelajaran mereka kerana masih bergantung kepada ibu bapa, PTPTN, ataupun biasiswa.

Sedangkan dari segi wang yang habis dibelanjakan untuk membeli buku dalam setahun didapati menunjukkan jumlah yang sederhana berikutan koleksi buku di perpustakaan UKM cukup lengkap. Adapun anggaran perbelanjaan untuk keperluan pembelajaran seperti buku tulis, kertas, pen, dakwat pencetak dan lain-lain pada umumnya pelajar hanya menghabiskan kurang dari RM50 sebulan. Selain itu, kajian ini juga mendapat bahawa majoriti pelajar tidak membelanjakan wang mereka untuk membeli rokok. Dalam Islam menghisap rokok adalah makruh. Ia juga boleh menjejaskan kesihatan sekali gus menyebabkan kematian. Sesuai dengan tujuan *maqasid al-shari'ah*, majoriti pelajar telah menjaga dua tujuan syariat iaitu harta dan jiwa. Didapati juga bahawa majoriti pelajar tidak berhutang ke mana-mana pihak selain daripada hutang PTPTN. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar matang dan bijak dalam menguruskan harta mereka. Mereka mengamalkan sikap berbelanja dengan jimat, tidak boros, membazir dan tidak tamak. Pada pandangan *maqasid al-shari'ah* mereka telah berjaya menjaga matlamat syariat iaitu menjaga harta dengan baik. Dalam Islam, membayar zakat adalah perintah Allah SWT sekaligus sebagai Rukun Islam yang keempat. Oleh kerana membayar zakat adalah perintah yang wajib dilaksanakan maka dalam pandangan *maqasid al-shari'ah* ia dikategorikan sebagai tingkatan *al-daruriyyat*. Kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar tidak tergolong sebagai pembayar zakat. Ini kerana mereka belum memiliki pendapatan atau penghasilan sehingga tiada kewajipan ke atas mereka untuk membayar zakat.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB) / Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) di atas segala sokongan yang diberikan ke atas projek UKM-GUP-2011-264 sehingga menghasilkan artikel ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pelajar-pelajar UKM yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

'Abd al-Salam, 'Izz al-Din. t.th. *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

Abdurrahman, Z. 2003. *Maqasid al-shari'ah dalam pembentukan hukum: Analisa terhadap ijtihad Umar ibn al-Khattab*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Kamaruddin. 2003. *Usul Fiqh II*. Bangi: Pusat Kembangan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Haq, Hamka. 2007. *al-Syatibi: The Theological Aspect on Maslahah Concept in al-Muwafaqat*. Jakarta: Erlangga.

Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. 1985. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Tunis: al-Sharikah al-Tunisiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2011. Hikmah kewajipan membayar zakat. *Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. <http://www.islam.gov.my/e-hadith/hikmah-kewajipan-membayar-zakat> [14 Januari 2015].

Khalaf, 'Abd al-Wahhab. 1956. *Ilm Usul al-Fiqh*. al-Qahirah: al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Madkur, Muhammad Salam. 1963. *al-Madkhal li al-Fiqh al-Islami: Tarikhuhu wa Masadiruhu wa Nazariyyatuhu al-'Ammah*. al-Qahirah: Dar al-Nahdah al-'Arabi.

- Mohamad Sabri Haron. 2011. *Isu-isu Ekonomi dalam Dimensi Pemikiran Islam*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustazah Bahari. 2010. Mengurus harta dari kaca mata Islam. *4LifeFood*. <http://4lifefood.com/dienzarkey/article/tijarah/perniagaan/mengurus-harta-dari-kaca-mata-islam.html> [14 Januari 2015].
- Noresah Baharom. 2002. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Scarret, Douglas. 1993. *Pengurusan Harta*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Shatibi, Abu Ishaq. 1985. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Surtahman Kastin Hasan. 1989. *Ekonomi Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Jemizan Wan Deraman. t.th. *Pengurusan Kewangan Islam*. t.pt: t.pt.